

Selasa – 3 November 2020

Halaman : 21

Sungai Belatop keruh, kotor sejak 20 tahun

Penduduk dakwa pencemaran akibat kebun sayur dekat sumber air

Oleh Ramli Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Gua Musang: "Kami sudah jemu bercakap mengenai pencemaran sungai kerana sehingga sekarang tidak ada tindakan," kata penduduk Orang Asli di Pos Brooke, Mahmud Alang, 42.


Dia mendakwa, keadaan air Sungai Belatop yang keruh, berselut dan kotor sudah berlarutan hampir 20 tahun, dipercayai keran pembumian kebun sayur di kawasan sekitar sumber air itu.

Katanya, sungai utama ber-

kenaan yang mengalir melalui lebih 10 kampung Orang Asli di situ, asalnya bersih dan menjadi sumber utama penduduk setempat untuk mendapatkan bekalan air bersih.

Bagaimanapun, Mahmud mendakwa, selepas kegiatan pembukaan hutan untuk diusahakan sebagai kebun sayur semakin meluas, keadaan Sungai Belatop semakin tidak terkawal dan airnya mula tercemar.

"Sejak itu, kami yang tinggal di sini terpaksa mencari sumber air bersih menerusi sistem tada-



Air Sungai Belatop yang kotor dan berselut menjadikan kehidupan Orang Asli di Pos Brooke dan Lojing hampir 20 tahun lalu.
(Foto Ramli Ibrahim/BH)

han air bukit, itupun kerap berlaku kerosakan kerana kawasan tadahan turut diceroboh pengusaha kebun.

"Kami terpaksa mencari lokasi baharu untuk dibuat tandak (takungan air bukit)," katanya ketika ditemui.

Mahmud berkata, hujan yang kerap ketika musim tengkujuh memburukkan lagi keadaan apabila ia menyebabkan air sungai itu berselut hingga air langsung tidak boleh digunakan.

"Jika air sungai itu digunakan untuk mandi, ia menyebab-

kan badan menjadi gatal kerana dipercaya air yang mengalir dari bukit menempatkan kebun mengandungi racun dan sisabaja," katanya.

Sementara itu, Penghulu Pos Brooke, Riang Bujang, berkata hampir semua kawasan sepanjang Sungai Belatop, dari Lojing hingga Pos Brooke sudah diterokai untuk diusahakan sebagai ladang sayur.

Katanya, keadaan itu menyebabkan hakisan tanah dan air dari bukit yang turut membawa selut tebal mengalir ke dalam

sungai terbabit.

"Masalah ini bukan baharu. Sudah jenuh disuarakan kepada jabatan, pemimpin tempatan dan negeri tetapi keadaan masih begitu. Apabila kita kuat bercakap pasal masalah ini, ada pula pihak tertentu termasuk pekebun sayur tidak berpuas hati," katanya.

Riang menegaskan, masalah itu tidak mampu diatasi penduduk kecuali dengan campur tangan pihak berkuasa mengarahkan pekebun sayur membina sistem saliran yang sempurna untuk pengaliran air bukit.